

DM 3.4: Cadangan Penambahan Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar di Petempatan Desa Luar Bandar

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Pengukuran kualiti alam sekitar adalah sangat penting kerana ianya dapat memberi maklumat terhadap status kualiti persekitaran semasa.
- Data alam sekitar yang diperolehi dapat menyelesaikan masalah pencemaran dengan lebih cekap dan pantas.
- Kawasan desa terletak berdekatan dengan pelbagai sumber biodiversiti yang bernilai tinggi.
- Keperluan penambahan stesen pemantauan kerana dikenal pasti kawasan desa tidak mempunyai stesen pemantauan yang khusus.

Komponen Cadangan:

- Peletakan stesen pemantauan kualiti air sungai dan marin di petempatan desa.
- Peletakan stesen pemantauan kualiti udara di petempatan desa.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pengenalpastian kawasan strategik bagi peletakan stesen pengukuran kualiti alam sekitar.

Jadual 7.23: Stesen Kualiti Alam Sekitar Sedia Ada

Daerah	Stesen Kualiti Udara	Stesen Kualiti Air	
		Sungai	Marin
Muar	1	4	1
Segamat	1	6	-
Tangkak	1	5	-
Jumlah	3	15	1

Sumber: Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekitar, 2019

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **lapan (8) stesen pemantauan**

Daerah	Stesen Kualiti Udara	Stesen Kualiti Air Sungai
Muar	1	2
Segamat	-	3
Tangkak	-	2
Jumlah	1	7

AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Alam Sekitar (JAS) 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Alam Sekitar (JAS)

ANGGARAN KOS


- Kos Pemasangan satu (1) stesen pemantauan kualiti udara ambien = RM 175,000
- Kos Persampelan pemantauan kualiti air sungai = RM 600 x 12 bulan (setahun) x 6 tahun x 7 stesen = RM 302,400

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 477,400

FASA PELAKSANAAN



Rajah 7.34: Stesen Pengukuran Kualiti Alam Sekitar



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- Sempadan Pertumbuhan Bandar (UGB)
- Sempadan Pembendungan Bandar (UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Kawasan Industri Sederhana
- Radius 250m Industri Sederhana

- Radius 1km Kawasan Industri Minyak Kelapa Sawit
- Stesen Pemantauan Kualiti Udara Automatik
- Cadangan Stesen Pemantauan Kualiti Udara
- Cadangan Stesen Pemantauan Kualiti Air

Kualiti Air Sungai

- 1 Sg. Muar
- 2 Sg. Air Panas
- 3 Sg. Belemang
- 4 Sg. Meda
- 5 Sg. Pendol
- 6 Sg. Gemas
- 7 Sg. Pagoh
- 8 Sg. Labis
- 9 Sg. Sarang Buaya
- 10 Sg. Merbudu
- 11 Sg. Tangkak
- 12 Sg. Serom
- 13 Sg. Segamat
- 14 Sg. Juasseh
- 15 Sg. Gemencheh

- Bersih
- Bersih
- Bersih
- Bersih
- Bersih
- S. Tercemar
- S. Tercemar
- S. Tercemar
- S. Tercemar
- S. Tercemar
- Tercemar
- Bersih
- Bersih
- Bersih

Kualiti Air Marin (Kuala)

- Kuala Sg. Muar
- Sederhana

Penemuan Strategik

- Pengurusan Konflik Manusia – Hidupan Liar

Merujuk Data Aduan Gangguan Hidupan Liar Jabatan Perhilitan, majoriti aduan gangguan hidupan liar merupakan gangguan kera. Jabatan Perhilitan telah melakukan pelbagai mitigasi dan inisiatif bagi mengurangkan kes aduan yang melibatkan gangguan hidupan liar di kawasan kajian Johor Utara.

Jadual 7.24: Data Aduan Hidupan Liar Tahun 2020

Hidupan Liar	Bilangan Aduan Mengikut Daerah		
	Muar	Segamat	Tangkak
Kera	170	25	98
Babi Hutan	40	5	15
Gajah	0	4	0
Beruk	1	7	6
Lotong Chenekah	3	0	2
Musang	7	5	3
Tapir	0	3	0
Jumlah	221	49	124
Keseluruhan	394		

Sumber: Data Jabatan PERHILITAN Negeri Johor, 2021


Terdapat 293 aduan kera dan empat (4) aduan gajah di Segamat yang direkodkan Jabatan Perhilitan yang menjadi isu permasalahan pencerobohan hidupan liar dikawasan komuniti setempat di kawasan desa Wilayah Johor Utara.

Selain itu, bagi isu penguatkuasaan terhadap pencerobohan dan penyeludupan hidupan liar, pihak Jabatan PERHILITAN telah melaksanakan pelbagai tindakan pencegahan antaranya rondaan, kawasan sempadan, pemusnahan jerat dan kes jenayah penyeludupan hidupan liar (**Akta 716 Pemuliharaan Hidupan Liar 2010**).

Selain itu, pengurusan gangguan hidupan liar yang lain kebanyakannya mengguna pakai Sistem Pengurusan Hidupan Liar Kera.

Kacau ganggu hidupan liar yang serius sehingga menjejaskan aktiviti ekonomi, pertanian dan keselamatan penduduk perlulah diberi perhatian. Oleh itu, isu pengurusan konflik manusia – hidupan liar dikenal pasti bagi menyelesaikan permasalahan dan tindakan sewajarnya ke atas konflik terbabit.

Rajah 7.35: Data Aduan Hidupan Liar Tahun 2020



Sumber: Data Jabatan Perhilitan Negeri Johor, 2021

Gangguan Kera



Foto: Isu gangguan kera di Kg. Seri Menanti, Muar

Sumber: Jabatan PERHILITAN

Gangguan Gajah



Foto: Isu gangguan gajah di Kg. Felda Tenang, Segamat Johor

Sumber: Jabatan PERHILITAN